


Tahap pendidikan di Selangor


- Tiada pendidikan formal
- Sekolah rendah
- Sekolah menengah
- Institut vokasional
- Ijazah



Sumber: Kajian Merdeka Centre dengan kerjasama The New Straits Times Press (M) Berhad

Pendapatan isi rumah di Selangor

- <RM1500 sebulan
- <RM3001-RM5000 sebulan
- Tidak tahu
- <RM1501-RM3000 sebulan
- <RM5000
- Tiada tindak balas



Pendapatan rakyat Selangor meningkat

BH 13.1.2008 MS13

KUALA LUMPUR: Penduduk Selangor secara keseluruhan berpuas hati dengan apa yang dilakukan kerajaan negeri selain berpendapat pendapatan persendirian rakyat dan peluang pekerjaan semakin meningkat dibandingkan tiga tahun lalu.

Kajian yang dijalankan November lalu oleh firma penyelidikan tempatan, Merdeka Centre dengan kerjasama The New Straits Times Press (M) Berhad membabitkan 798 responden berumur 21 tahun dan ke atas daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, India dan Cina, dari pelbagai latar belakang dan tempat tinggal - bandar dan luar bandar yang dijalankan dari 18 hingga 24 November lalu.

Kajian dijalankan menerusi temubual telefon membabitkan responden yang dipilih secara rawak dari seluruh Selangor.

Hasil kajian itu mendapati 57 peratus daripada 798 responden berpuashati dengan pendapatan mereka walaupun 82 peratus menyatakan rasa tidak puas hati terhadap harga barang yang semakin naik dan perkhidmatan.

Daripada jumlah itu, 87 peratus orang India tidak puas hati dengan harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan diikuti 82 peratus Melayu dan Cina (80 peratus).

Kajian itu juga mendapati 50 peratus responden gembira dengan peluang pekerjaan dan 49 peratus pula gembira dengan peluang perniagaan di negeri berkenaan.

Berhubung kedudukan ekonomi, 49 peratus responden menyatakan ekonomi negeri sudah meningkat dibandingkan tiga tahun lalu.

Mengenai jangkaan ekonomi bagi

tempoh setahun akan datang, 51 peratus responden Melayu yakin ekonomi akan meningkat dan begitu juga 47 peratus responden India.

Sebanyak 50 peratus responden menyatakan mereka berpuas hati dengan cara Kerajaan Selangor menguruskan ekonomi termasuk 63 peratus responden Melayu.

Sementara itu, 16 peratus daripada responden menyatakan Kerajaan Selangor perlu menyelesaikan isu inflasi dan peningkatan kos sara hidup, 15 peratus pula mahu masalah jenayah dan keselamatan awam diselesaikan, sembilan peratus responden mahu isu banjir pendatang tanpa izin ditangani manakala lapan peratus lagi mahu masalah sosial diberikan perhatian.

Tidak ketinggalan tujuh peratus mahu masalah politik, rasuah dan integriti di ambil perhatian dan diselesaikan.

Mengenai perkara yang penting diberi perhatian di peringkat tempatan, 18 peratus responden mahu isu jenayah dan keselamatan diselesaikan dan masing-masing 10 peratus mahu masalah sosial di kalangan belia dan sistem penyampaian ditangani.

Ketika responden ditanya sama mereka berasa selamat berjalan sendirian pada waktu siang, 66 peratus mengatakan selamat tetapi apabila ditanya soalan sama jika mereka berasa selamat berjalan pada waktu malam, 58 peratus menjawab tidak.

Dalam pada itu, 55 peratus menyatakan mereka masih mampu menangani masalah peningkatan kos sara hidup namun 51 peratus responden India menyatakan mereka tidak mampu menghadapi masalah itu.